



Larang pembakaran terbuka serta-merta

Arahan berkuat kuasa seluruh negara sehingga Monsun Barat Daya berakhir

Putrajaya: Susulan jerebu, seluruh negara diisytiharkan sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka berkuat kuasa serta-merta sehingga Monsun Barat Daya berakhir.

Bagaimanapun, pengecualian diberikan bagi pembakaran mayat dan bagi tujuan keagamaan, grill/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring).

Ketua Pengarah Jabatan Alam Se-

kitar, Norlin Jaafar, mengeluarkan arahan larangan itu susulan keadaan jerebu yang melanda negara sejak Khamis lalu hingga kini.

Beliau berkata, larangan itu adalah bawah kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar mengikut Seksyen 29AA (2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Semua pihak diminta tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Norlin berkata, mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikesan

nakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata, kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Katanya, orang ramai diminta memberi kerjasama untuk memadamkan kebakaran kecil serta membuat laporan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) berhubung sebarang aktiviti pembakaran terbuka yang dikesan.

Orang ramai boleh menghubungi JAS melalui talian 03-88891972 atau 1-800-88-2727 dan JBPM menerusi talian 999 untuk melaporkan aktiviti pembakaran terbuka.

BERNAMA